



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
BLOK K, ARAS 2
PUSAT BANDAR DAMANSARA
PETI SURAT 12579
50782 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-20947033
Fax : 03-20956523
Kawat : "MINRUMAH"
http : //www.kpkt.gov.my
E-mail : pro@kpkt.gov.my

(18)KPKT/BPK/19/7/4 Klt.25

21 Mei 2009

SIARAN MEDIA

(PRESS RELEASE)

Berikut adalah maklum balas daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengenai laporan akhbar *The Star* bertarikh 9 Mei 2009.

CALL FOR AN AGENCY TO REVIVE PROJECTS

Jabatan Perumahan Negara (JPN), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) adalah sebuah jabatan yang bertanggungjawab terus ke atas semua projek-projek perumahan di seluruh negara. JPN/KPKT sentiasa bersikap telus dalam menangani isu-isu projek perumahan ini.

Jabatan ini banyak menerima aduan mengenai projek-projek perumahan bermasalah khususnya projek perumahan terbengkalai. Projek-projek perumahan terbengkalai ini memberi kesan kepada pembeli-pembeli rumah dari segi bebanan kewangan dan permasalahan sosial yang lain. Bebanan kewangan yang timbul akibat daripada projek-projek perumahan terbengkalai termasuklah pembayaran balik ansuran pinjaman perumahan dan juga pembayaran sewa rumah bagi rumah sewa yang diduduki oleh pembeli rumah tersebut. Di samping itu, pembeli rumah berkemungkinan akan disenarai hitam oleh pihak pembiayaan sekiranya gagal melunaskan tunggakan hutang dan ini akan

menyebabkan pembeli rumah berkaitan sukar untuk mendapat kemudahan pinjaman untuk kali kedua.

Sehingga 28 Februari 2009, terdapat 156 projek perumahan di seluruh negara yang dibangunkan oleh pemaju swasta dikategorikan sebagai projek terbengkalai. Antara negeri yang mempunyai bilangan projek perumahan terbengkalai paling banyak adalah negeri Selangor (39 projek), Johor (32 projek) dan Negeri Sembilan (20 projek). Di samping itu, terdapat juga beberapa projek perumahan terbengkalai di negeri Sabah dan Sarawak tetapi bilangannya agak kecil.

Bagi menangani permasalahan ini, **Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH)** telah memutuskan supaya ditubuhkan satu **Pasukan Petugas Khas Pemulihan Projek Perumahan Terbengkalai**. Pasukan ini diketuai oleh Y.Bhg. Tan Sri KSN dan dianggotai oleh pegawai-pegawai kanan daripada pelbagai agensi Kerajaan dan pihak-pihak swasta yang berkepentingan dalam industri pemajuan perumahan.

Berkaitan projek Talam, setakat ini, antara tindakan yang telah diambil oleh JPN/KPKT dalam menangani isu projek perumahan terhadap Kumpulan Talam Corporation Bhd (KTCB) ialah JPN/KPKT sedang memantau 41 projek yang bahagikan kepada enam (6) kategori;

- i. Projek yang telah memperolehi Sijil Layak Menduduki/Certificate of Fitness Occupation (CFO) adalah sebelas (11) projek;
- ii. Projek-projek di mana wang kutipan dikembalikan kepada pembeli melibatkan lapan (8) projek. Ini bermaksud kesemua 8 projek ini dibatalkan;

- iii. Projek-projek di mana IJM Construction dilantik sebagai Kontraktor utama untuk Pakej 1 iaitu pakej di mana projek-projek yang sudah hampir siap yang melibatkan lapan (8) projek;
- iv. Projek-projek yang diambil alih semula oleh KTCB untuk dimajukan sendiri yang melibatkan sebelas (11) projek;
- v. Projek-projek yang dilakukan secara usaha sama (Joint Venture) dengan IJM Properties yang hanya melibatkan satu (1) projek sahaja; dan
- vi. Pangsapuri Perkhidmatan yang diusahakan sendiri oleh KTCB yang melibatkan dua (2) projek.

Pada mesyuarat terakhir JPN/KPKT dengan KTCB pada 15 Mei 2009, pihak JPN/KPKT akan melakukan pemantauan dan lawatan tapak secara berkala (setiap bulan). Pihak KTCB diminta mengemukakan laporan setiap bulan dan akan dipanggil mesyuarat juga secara berkala bagi memastikan semua 21 projek yang sedang dilaksanakan KTCB akan disiapkan sepenuhnya. Kesemua 8 projek tersebut (para (iii)) dijangka akan diperolehi CF pada hujung September 2009 ini.

Kerajaan sememangnya begitu komited di dalam usaha untuk menyelesaikan masalah projek-projek perumahan terbengkalai di seluruh negara. KPKT sentiasa terus berusaha memulihkan projek-projek perumahan tersebut di samping berusaha memantapkan prosedur dan perundangan yang sedia ada. KPKT sentiasa memandang positif dengan penuh harapan agar dapat menghalang projek-projek perumahan yang baru dari terjebak dalam kategori sakit, lewat dan terbengkalai pada masa akan datang.

Dikeluarkan oleh

: Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan